


# Umno perlu tegakkan keutamaan

BH - 20/2/2008

## Tiada individu harus diberi keistimewaan melebihi kepentingan parti



**Kaca**  
Bersama **Hishamuddin Aun**  
→ [hishamaun@nstp.com.my](mailto:hishamaun@nstp.com.my)

**L**EBIH dua bulan sudah berlalu sejak Tun Dr Mahathir Mohamad melemparkan kritikan paling keras terhadap pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, termasuk menuduh penggantinya itu menikamnya daripada belakang.

Diberikan tempoh dua bulan lagi pun, tiada siapa yang boleh meyakini kemelut ini akan berakhir pada ketika Dr Mahathir sendiri belum menunjukkan tanda-tanda akan berhenti menghentam.

Syarat terbarunya agar kerajaan meneruskan pembinaan jambatan baru menggantikan Tambak Johor sebagai galang ganti untuk beliau berdiam diri, adalah petanda jelas bahawa Dr Mahathir tidak pun berniat untuk berbuat demikian.

Malah, berdasarkan pengamatan beberapa pemerhati politik, mantan Perdana Menteri itu dijangka memanfaatkan apa juga kesempatan untuk mengandakan terjahannya bagi tempoh lebih dua bulan berikutan agar kemuncaknya tiba pada Perhimpunan Agung Umno, November nanti.

Apabila Dr Mahathir sudah mengisytiharkan perang, lazimnya 'gencatan senjata' yang sekalipun dipaksa ke atasnya, tidak akan kekal lama.

"Dr Mahathir tidak akan membiarkan musuhnya lena tidur," kata seorang politikus veteran, "dan beliau sendiri tidak akan tidur panjang untuk merangka langkah seterusnya dengan cara paling strategik."

"Berdiam Dr Mahathir bukan diam berundur," katanya sebagai merujuk kepada kunjungan bekas Perdana Menteri itu ke China sejak awal minggu ini. "Beliau boleh dijangka akan melancarkan serangan baru yang berbeza."

Minggu lalu, beliau mengutus surat bertarikh 11 Ogos kepada ahli Umno yang antara lain mengandungi rintihan kerana mendakwa haknya untuk didegar, telah dinafikan hasil beberapa jempunan terdahulu kepadanya ditarik balik.

Turut dilontarkannya ialah persoalan terhadap apa yang diandaikannya sebagai kekangan yang didakwa dikenakan ke atasnya sebagai percubaan untuk memperbodohkan Umno agar mereka mendengar hanya daripada satu pihak.

Menyudahi suratnya dengan kata-kata "berani kerana benar, takut kerana salah", Dr Mahathir secara sinis menyimpulkan kepemimpinan Umno takut membenarkan beliau bercakap "kerana mereka salah".

Memang hari ini Dr Mahathir boleh berkata apa saja pada ketika beliau tidak lagi duduk di kerusi pemimpin.

Lebih daripada itu, beliau turut mengeksploitasi sepenuhnya kesoganan sebilangan anggota Kabinet dan Ahli Majlis Tertinggi Umno untuk menjawab hujah-hujahnya atas rasa hormat terhadap seorang bekas pemimpin yang



**TERUS MENKRITIK:** Dr Mahathir diberikan tempoh dua bulan lagi pun, tiada siapa boleh meyakini kemelut ini akan berakhir.

banyak berjasa.

Barangkali ada juga segelintir daripada mereka yang sengaja mengelak daripada menyerang balas Dr Mahathir kerana khuatir akan terpaksa mendepani serangan peribadi daripada bekas bos mereka itu.

Ia bukan lagi satu hipotesis pada ketika Dr Mahathir sudah mengancam untuk mendedahkan kaitan rasuah seorang bekas menteri - barangkali sebagai amaran bahawa yang lain juga akan turut didedahkan kepincangan mereka andainya terlalu lantang bersuara terhadapnya.

Maka, sudah berlaku keadaan di mana ada yang terdorong untuk cakap berlapis - berikrar taat setia terhadap Abdullah sambil menyanjungi Dr Mahathir selaku negarawan ulung.

Dalam pada itu, umum mengetahui daripada senarai anggota Kabinet yang ada hari ini, lebih ramai yang lebih dahulu berjawatan menteri ketika era kepemimpinan terdahulu, lantas mengakibatkan rasa terhutang budi.

Digelar anggota Kabinet lintang-pukang dan tiada keberanian sekalipun, ia semacam menimbulkan satu kehairanan apabila ada separuh yang masih berupaya berdiam diri. Segelintir daripada mereka langsung tidak kedengaran!

Anehnya, ramai yang dikhabarkan membentak dan memberontak apabila Menteri Di Jabatan Perdana Menteri,

Datuk Seri Mohamad Nazri Aziz, menggambarkan semacam wujud perpecahan di kalangan menteri.

Sebagai menteri yang paling lantang menjawab serangan Dr Mahathir sejauh ini, Nazri harus tidak pun ambil hati apabila ada yang berasakan caranya keterlaluan, tetapi pada masa sama kemarahannya wajar difahami apabila ada yang langsung tidak ambil peduli.

Tambahan apabila ada yang digambarkan sebagai berpura-pura dalam menangani isu kritikan berterusan Dr Mahathir terhadap pemerintahan Abdullah, apatah lagi tindakan beberapa menteri yang kedengaran seperti membela bekas Perdana Menteri - kemarahan Nazri bukan tidak berasas.

Anehnya juga hari ini sudah wujud cakap-cakap, baik di kalangan segolongan ahli Umno mahupun sebilangan ahli Majlis Tertinggi, agar Dr Mahathir diberi laluan dan kesempatan untuk meluahkan isi hatinya.

Daripada asalnya timbul saranan untuk Dr Mahathir diundang menghadiri satu sesi pertemuan dengan MT, ia kini menular kepada cadangan penganjuran satu sidang khas perwakilan bahagian Umno dan terbaru, ada yang berasakan beliau patut dibenarkan berucap pada Perhimpunan Agung nanti.

Sebagai sebuah parti yang kuat berpegang kepada tradisi, mana-mana satu daripada cadangan itu pun sebenarnya melanggar adat resam Pertubuhan Ke-

**“**Dr Mahathir tidak akan membiarkan musuhnya lena tidur dan beliau sendiri tidak tidur panjang untuk merangka langkah seterusnya dengan cara paling strategik”

**Politikus veteran**

bangsaan Melayu Bersatu ini - dalam soal ini Dr Mahathir sekalipun tidak terkecuali.

Pada era kepemimpinan beliau pun, peraturannya jelas bahawa hanya perwakilan, selain pemerhati, layak hadir pada perhimpunan agung manakala senarai pembahas sesuatu usul diputuskan Badan Perhubungan Umno negeri.

Di samping itu, kelayakan merasmikan mesyuarat bahagian hanya terbatas kepada Ahli MT. Tiada kelonggaran sekalipun kepada yang berjawatan menteri.

Dr Mahathir, kalau masih menduduki kerusi Perdana Menteri dan Presiden Umno hari ini pun, boleh diandaikan tidak akan memberi laluan dan kesempatan seperti itu, apatah lagi untuk mengharapkan diberi keistimewaan seumpamanya.

Benar, beliau seperti yang dinyatakan dalam suratnya sebagai "ahli Umno, bekas Presiden Umno, kesetiaan saya adalah pada Umno, bukan kepada mana-mana individu, tak kira jawatan", sebenarnya memang mengharapkan peluang bukannya terus dinafikan.

Dengan cara itu, beliau berharap untuk terus mengeksploitasi keadaan dengan meniupkan keraguan terhadap Umno dan kerajaan bahawa mereka mempunyai sesuatu untuk disembunyikan daripada pengetahuan ramai.

Dr Mahathir tidak boleh dihalang untuk berhujah di mana saja selagi masih ada pihak yang ingin mengundangnya asalkan bukan di pentas dan forum Umno kerana peraturan parti perlu dipatuhi.

Itu harus menjadi pendirian jelas kerana keutuhan Umno itu sendiri harus terus dipertahankan daripada hajat mana-mana individu yang tidak mungkin lebih besar daripada parti yang memperjuangkan kepentingan bangsa.

Andai diberi peluang pun, Dr Mahathir boleh diyakini tidak akan berdiploماسي, sebagaimana kenyataannya pada masa lalu dapat dijadikan sandaran.

"Beliau (Dr Mahathir) boleh kata apa yang beliau suka. Saya Perdana Menteri dan saya ada kerja yang hendak dibuat dan membuat keputusan terbaik bagi faedah rakyat." Hujah keras Abdullah minggu lalu itu harus menerangi kepada siapa kesetiaan patut berpihak.